

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Dalam era globalisasi kini lebih dari separuh penduduk dunia adalah *bilingual* dan ramai yang *multilingual*. Manusia menguasai banyak bahasa dengan tujuan yang berbeza-beza. Manusia berinteraksi antara satu sama lain dalam perniagaan, kerjasama antarabangsa mahupun dalam pendidikan. Komunikasi menjadi amat penting walaupun berbeza budaya dan latar belakang. Dengan itu keperluan kepakaran berbahasa bertambah meningkat. Di samping bahasa ibunda yang dikuasai sejak lahir, manusia belajar bahasa kedua atau bahasa asing sebagai satu nilai tambah bagi kehidupan yang berkualiti. Bahasa asing bukan lagi sekadar memenuhi masa lapang tetapi lebih dari itu sebagai jaminan pekerjaan dan juga mendapat pendidikan (Ellis, 2004).

Pembelajaran bahasa asing adalah suatu proses yang sangat sukar meskipun suasana pembelajarannya diatur dan terancang. Kesukaran ini dijelaskan oleh David (1965) seperti berikut:

.... *Learning a foreign language is a painful process, more so perhaps than learning other things, It is at least highly desirable, even if, when sufficiently drastic sanctions are available, ... whether he is adult or child.*  
(David, 1965:25)

Namun walaupun dikatakan sukar, menguasai bahasa asing adalah satu 'bonus' kepada status seseorang individu. Ianya memberi peluang kepada individu tersebut memperbaiki status kehidupan kepada yang lebih baik dari segenap aspek kehidupan. Bagi pelajar, mengatasi kesukaran menguasai bahasa asing sudah tentu diiringi dengan dorongan dan motivasi di samping menggunakan strategi-strategi tertentu bagi tujuan memudahkan dan mengekalkan pemerolehan dan penguasaan sesuatu bahasa asing itu. Menyedari keperluan bahasa asing itu, banyak pusat-pusat pengajian tinggi sama ada swasta mahupun kerajaan yang menawarkan subjek bahasa asing.

### **1.1 Bahasa Jepun di Universiti Teknologi Mara (UiTM).**

Adalah menjadi polisi UiTM untuk dikenali sebagai universiti antarabangsa yang dapat membekalkan pelajar yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Pendidikan di UiTM perlu dapat melahirkan graduan profesional yang *versatile*, berdikari, global dan beretika. Pelajar perlu kreatif dan inovatif dalam menghasilkan idea dan produk baru. Pelajar juga perlu mempunyai kemahiran yang pelbagai (*multi-skilled*) supaya dapat merebut semua peluang yang sedia ada di samping berkebolehan membentuk pasaran baru. Untuk tujuan itu pelajar perlu mahir berkomunikasi dan berkompromi terutamanya dalam industri pekerjaan. Sehubungan dengan itu, graduan UiTM dibekalkan dengan sekurang-kurangnya satu kemahiran bahasa asing sebagai satu nilai tambah kepada tahap ke professionalan mereka.

### **1.1.1 Akademi Pengajian Bahasa UiTM**

Tugas dan peranan ini dimandatkan kepada Akademi Pengajian Bahasa (APB) yang dulunya disebut sebagai Pusat Bahasa, UiTM. Mengimbu sejarah APB, ianya telah ditubuhkan pada tahun 1972 bertujuan menyelaraskan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa-bahasa Asia dan Eropah yang lain. Bahasa-bahasa Asia dan Eropah adalah dianggap sebagai bahasa ketiga dan Akademi ini dipertanggungjawab menyediakan bahasa ke tiga kepada pelajar. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Perancis, German, Arab, Korea, Thai, Mandarin dan Bahasa Jepun. Pemilihan Bahasa ke tiga tersebut merupakan subjek wajib bagi program ijazah pertama sejak Jun 1999 lagi sehingga sekarang. Penekanan ke atas kompetensi berbahasa adalah diharapkan akan dapat melengkapkan pelajar UiTM sebagai pelajar yang berdaya saing di pasaran yang global.

Seiring dengan arus dunia globalisasi ini, pemilihan Bahasa Jepun sebagai bahasa ke tiga di UiTM telah menjadikannya sebagai salah satu dari bahasa-bahasa Asia yang mendapat sambutan di UiTM. Bagi memperluaskan lagi pembelajaran bahasa Jepun, beberapa program telah dibuka kepada kakitangan UiTM dan juga orang awam melalui Kursus Kemahiran Bahasa (KKB), Pengajian Luar Kampus (PLK), dan pengajian Jarak Jauh (PJJ). Selain itu kursus *Flexible Learning Programme* (FLP), iaitu pengajian melalui internet, dan program Kolej-kolej Bersekutu (KKB) adalah dalam perancangan untuk ditawarkan kepada orang awam pada masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun untuk kajian ini penulis hanya memberi fokus kepada subjek bahasa Jepun yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar sepenuh masa di peringkat ijazah di Universiti ini. Bahasa Jepun di peringkat ijazah dibahagikan kepada tiga tahap pengajian iaitu Tahap 1 (BJP 401), Tahap 2 (BJP 451), dan Tahap 3 (BJP 501). Setiap

tahap mempunyai jumlah jam temu sebanyak 30 jam bagi satu semester bersamaan dengan 2 jam temu seminggu. Pada setiap semester terdapat kira-kira 2000 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Jepun termasuk program diploma di UiTM.

Program Bahasa Jepun yang dikendalikan oleh Akademi Bahasa UiTM ini, lebih menekankan aspek komunikasi berbanding penulisan. Justeru itu tiga jenis sistem tulisan bahasa Jepun iaitu *hiragana*, *katakana* dan *kanji* tidak begitu ditekankan. Sistem penulisan yang digunakan ialah dengan menggunakan huruf roman. Walaubagaimanapun sedikit konsep tulisan *hiragana*, *katakana* dan *kanji* diperkenalkan kepada pelajar.

Walaupun dengan persekitaran di luar dan di dalam kelas yang tidak begitu menggalakkan dan kurang membantu dalam penguasaan bahasa, namun terdapat sebilangan pelajar yang berminat dan tidak kurang juga pelajar yang memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan bahasa Jepun mereka. Pelajar-pelajar ini diajar oleh tenaga pengajar tempatan seratus peratus. Buku teks yang digunapakai adalah buku yang diusahakan oleh gabungan tenaga pengajar tempatan. Selari dengan subjek-subjek teras yang lain pelajar-pelajar ini penuh bermotivasi dan berusaha keras. Sudah tentunya mereka mempunyai strategi-strategi tertentu supaya dapat membantu dan memudahkan pembelajaran mereka bagi membantu kejayaan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

### **1.2.1 Strategi Pembelajaran Bahasa**

Matapelajaran Bahasa Jepun adalah matapelajaran yang agak rumit. Tulisan yang berbeza, struktur bahasa yang berbeza ditambah pula dengan kekurangan persekitaran yang memberansangkan boleh melemahkan pencapaian dan seterusnya mengurangkan

semangat pelajar-pelajar untuk menguasai bahasa asing ini. Memadakah dengan pertemuan dua jam seminggu menjamin kejayaan pelajar menguasai bahasa ini? Bahasa Jepun di UiTM secara umumnya adalah matapelajaran elektif wajib yang mana pelajar-pelajar juga diwajibkan mengambil matapelajaran lain yang lebih mementingkan isi kandungan dan aplikasi. Untuk memudahkan pembelajaran, secara sedar atau tidak sudah tentu pelajar menggunakan strategi-strategi pembelajaran tertentu bagi memudahkan penguasaan bahasa dan penggunaan masa yang berkualiti dan lebih berkesan.

Strategi pembelajaran bahasa telah hebat diperkatakan sejak lebih dari 15 tahun dahulu. Rasionalnya difokuskan kepada tiga idea penting iaitu satu pendekatan yang pelajar dan juga tenaga pengajar harus tahu untuk menolong dalam pembelajaran. Seterusnya seperti apa yang kita maklum bukan semua pelajar menggunakan strategi yang sama. Satu strategi mungkin berkesan kepada seorang pelajar tetapi tidak berkesan kepada pelajar yang lagi satu dan pembelajaran bukan sahaja berlaku di dalam bilik darjah tetapi berlangsung juga di luar bilik darjah. Oleh itu pelajar harus tahu strategi pembelajaran yang berkesan supaya mereka lebih bebas dan bertanggung jawab tentang pembelajaran mereka.

Mengikut Oxford (1990), strategi pembelajaran bahasa ialah langkah-langkah atau tingkah laku yang biasanya digunakan oleh pelajar bahasa untuk mempercepatkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat baru. Oleh itu pengetahuan menggunakan strategi pembelajaran adalah sesuatu yang penting yang tidak harus diabaikan oleh setiap pelajar bahasa.

Perbezaan seseorang pelajar dari segi strategi pembelajaran boleh membuahkan hasil yang berlainan dari segi pencapaian. Sesuatu strategi itu mungkin berkesan kepada seseorang pelajar tetapi tidak pada pelajar yang lain. Oleh yang demikian pelajar perlu mengetahui dan menyedari strategi pembelajaran yang mana yang memberi keselesaan dan seterusnya menghasilkan pencapaian yang terbaik baginya. Menurut Bruen (2001), pelajar perlu menguasai strategi pembelajaran dengan sendiri dan secukupnya supaya memberi manfaat kepada pembelajarannya. Seterusnya O'Malley(1990) pula menambah bahawa seseorang yang mempunyai strategi pembelajaran akan secara tidak langsung mempengaruhi pembelajaran dalam bentuk yang positif.

Kajian tentang strategi pembelajaran bahasa ( Oxford, 1995; Mohamed Amin Embi, 1996) menunjukkan bahawa pelajar bahasa yang cemerlang adalah mereka yang mengaplikasikan pelbagai strategi atau teknik belajar dalam proses pembelajaran bahasa mereka sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Bagaimana pula dengan strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar Bahasa Jepun di UiTM? Adakah pelajar menggunakan strategi tertentu atau strategi yang berbagai untuk pencapaian terbaik mereka?

Di Malaysia bagaimanapun, belum banyak kajian yang dijalankan yang menyepadukan faktor strategi pembelajaran dan motivasi dalam konteks keberkesanan pembelajaran bahasa asing. Kajian strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Inggeris dan Melayu telah pernah dilakukan oleh Abu Talib (1998), Mohd Nazali (1999), Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002), Supian (2003), Mahadi (2006) dan lain-lain.

Seterusnya terdapat juga kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa asing yang dibuat oleh Anida Abdul Rahim (2003) bagi bahasa arab, Kang, Hyeok (1999) bagi bahasa korea, Neo Swee Leng (2005) bagi bahasa Sepanyol, Roslina Mamat (1999) dan Suzana Ismail (2005) bagi bahasa Jepun. Roswati Abdul Rashid (2007), pernah juga membuat kajian tentang strategi pembelajaran pelajar bahasa Jepun di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), dalam menguasai penulisan bahasa Jepun.

Kajian-kajian ini lebih memfokuskan kepada strategi pembelajaran terhadap aspek penulisan karangan, pemahaman, tatabahasa, komunikasi dan fonologi semata-mata dan tidak dihubungkan dengan motivasi pelajar. Oleh itu di samping mengetahui apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dan hubungkaitnya dengan pencapaian, penulis juga ingin melihat bagaimana dan apakah hubungkait strategi pembelajaran yang digunakan dengan motivasi pelajar dalam kajian ini.

Oxford, (1994) menyenaraikan motivasi, gender, latarbelakang budaya, sikap dan kepercayaan, umur, peringkat pembelajaran, toleransi dan ketaksaan (*ambiguity*) mempunyai hubungkait dengan strategi pembelajaran. Dalam kajian ini fokus hanya diberikan kepada salah satu item daripada item tersebut iaitu motivasi dan hubungkaitnya dengan pembelajaran bahasa sahaja.

### **1.2.2 Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa asing.**

Motivasi dalam pembelajaran bahasa asing bermula dari era psikologi sosial lagi (1959-1990) di mana Gardner dan sekutunya menyatakan bahawa sikap pelajar terhadap budaya asing dan keterbukaan terhadap geopolitik akan mempengaruhi kejayaan dalam bahasa budaya tersebut (Gardner, 1985). Pada tahun -90 an, kajian tentang

motivasi dalam pembelajaran bahasa asing telah berpindah kepada era kognitif yang lebih memberi perhatian kepada teori-teori kognitif dalam psikologi pendidikan.

Gardner dan Lambert(1995) telah membahagikan motivasi kepada dua iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif mendorong pelajar belajar bahasa asing untuk berinteraksi dengan penutur natif di samping berminat kepada budaya bahasa sasaran dan menunjukkan sikap yang positif terhadap penuturnya. Manakala motivasi instrumental lebih berkecenderungan sebagai mencapai objektif yang pragmatik seperti untuk memperbaiki status sendiri pada masa hadapan dan sebagainya.

Dalam pembelajaran bahasa asing, motivasi amat penting bagi menjamin kejayaan. Penulis ingin mengenalpasti apakah motivasi pelajar dalam pemilihan bahasa Jepun sebagai matapelajaran bahasa ke tiga ini. Dalam satu kajian Gardner and Lambert yang lain (1972), satu korelasi yang signifikan telah didapati di antara motivasi integratif dan pencapaian dalam pembelajaran bahasa Perancis. Kajian mendapati bahawa motivasi integratif adalah komponen penting bagi kejayaan pembelajaran bahasa asing. Oleh itu penulis ingin mengetahui juga motivasi jenis apakah yang ada pada pelajar-pelajar yang mengambil matapelajaran bahasa Jepun di UiTM ini dan seterusnya melihat hubungkait motivasi-motivasi ini dengan strategi pembelajaran.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar yang mengambil matapelajaran Bahasa Jepun di UiTM induk Shah Alam. Dengan menggunakan pembahagian strategi pembelajaran yang dibuat oleh Oxford ( 1990 ) dan motivasi sosio-pendidikan Gardner ( 1995 ), kajian ini bertujuan untuk:



1. Mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan dan kekerapannya.
2. Menyelidik hubungkait antara strategi pembelajaran yang digunakan dengan pencapaian pelajar.
3. Menyelidik hubungkait strategi pembelajaran dengan motivasi.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada objektif kajian, berikut adalah persoalan kajian yang dibuat bagi tujuan kajian ini.

1. Apakah strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan dan kekerapannya?
2. Terdapatkah hubungkait antara strategi pembelajaran bahasa dengan tahap pencapaian pelajar, dan jika ada apakah kaitannya?
3. Bagaimanakah strategi pembelajaran bahasa berkait dengan motivasi Pelajar?

#### **1.5 Bidang dan Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan kajian diskriptif yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM Induk Shah Alam sahaja. Pelajar-pelajar UiTM perlu mengambil bahasa Jepun tahap permulaan (BJP 401), bahasa Jepun pertengahan (BJP 451) dan bahasa Jepun lanjutan (BJP 501) mengikut turutan. Mereka boleh mengambil matapelajaran ini di mana-mana semester sebelum tamat pengajian.

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar yang telah pun selesai mengambil dua kod kursus Bahasa Jepun iaitu BJP 401(bahasa Jepun Permulaan) dan BJP 451(bahasa

Jepun pertengahan). Walau bagaimanapun pelajar-pelajar ini sudah pun menduduki peperiksaan bagi kod kursus BJP 501. Oleh kerana keputusan bagi kod kursus BJP 501 belum diperolehi, pengkaji tidak memasukkan keputusan kod tersebut. Melihat kepada objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti strategi pembelajaran dan kaitannya dengan motivasi dan pencapaian(skor), adalah memadai dengan melihat dan menganalisa keputusan pada dua kod kursus sahaja. Kajian ini menggariskan beberapa batasan kajian seperti berikut:

- i. Kajian ini akan menggunakan kaedah soal selidik yang melibatkan hanya pelajar-pelajar yang telah melalui kursus Bahasa Jepun kod BJP 401 dan BJP 451 dan telah pun mengetahui keputusan bagi kedua-dua peperiksaan tersebut. Pemilihan responden adalah secara rawak dari beberapa fakulti di mana 265 orang responden dari populasi seramai 900 orang telah dipilih.
- ii. Kajian ini hanya melihat strategi pembelajaran mengikut enam kategori strategi pembelajaran yang telah dibuat oleh Oxford (1990). Pengkaji juga hanya melihat apakah jenis motivasi yang terdapat pada pelajar dan kaitannya dengan pemilihan strategi yang dibuat. Penulis mengambil pembahagian motivasi yang telah dibuat oleh Gardner (1995) dalam pembahagian jenis motivasi. Gardner telah membahagikan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa asing kepada dua iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental.

## **1.6 Sumber Pengumpulan Data dan Analisis Kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Analisis korelasi digunakan untuk melihat arah hubungan antara pembolehubah. Di samping itu melalui analisis korelasi dapat diketahui kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas

dengan pembolehubah bersandar dengan melihat kepada pekali korelasi (nilai  $r$ ). Juga melalui analisis korelasi dapat diketahui sama ada hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar itu signifikan atau tidak. Oleh kerana data yang dikaji bersifat *interval*, kajian ini menggunakan model korelasi *Pearson r*.

Dengan menggunakan data mentah yang diperolehi dalam borang soal selidik, jadual frekuensi dibina untuk mencari min, mod dan median menggunakan sistem *statistical package for the social sciences (SPSS) 14.0*. Ulasan tentang motivasi dan strategi pembelajaran dibuat dengan merujuk frekuensi, min, mod dan median. Statistik diskriptif akan menjawab kesemua persoalan kajian. Bagi persoalan yang berkaitan dengan korelasi (hubungkait) model korelasi *Pearson* akan digunakan.

### **1.7 Kepentingan kajian.**

Mutiara kata ada mengatakan bahawa jika kita memberi ikan kepada seseorang, ikan itu boleh dihabiskan dalam masa sehari tetapi jika kita mengajarnya cara-cara mengail ikan ia akan memberinya rezeki seumur hidup. Oleh itu pengetahuan tentang strategi pembelajaran sangat penting bagi kedua-dua pihak samada guru atau pelajar. Dengan mengenalpasti strategi pembelajaran yang efektif pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan dan memberinya keselesaan semasa proses pembelajaran berlaku dalam jangkawaktu yang panjang.

Bagi seorang guru pula dengan mengenalpasti strategi pembelajaran yang bersesuaian dan berkesan akan memudahkannya mempraktikkan dalam pedagogi pengajaran. Pembelajaran yang berkesan akan memberi motivasi kepada pelajar dan seterusnya memperkembangkan anatomi otak pelajar.

Setiap pelajar menggunakan strategi pembelajaran yang berbeza di dalam situasi belajar yang berbeza. Seseorang yang dapat menggunakan strategi belajar yang tepat pada saat yang tepat akan dapat menguasai apa yang dipelajarinya dengan lebih cepat.

Kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang strategi pembelajaran yang digunakan dan memberikan petunjuk kepada pelajar tentang strategi pembelajaran yang paling efektif. Ini akan mendorong mereka supaya lebih berdikari dan lebih bertanggung jawab terhadap pembelajaran mereka.

Penggunaan strategi pembelajaran yang tepat akan dapat membantu seseorang pelajar menguasai bahasa asing dengan lebih mudah, lebih menyelesaikan dan lebih efektif. Oleh yang demikian pelajar dan guru perlu mengenali strategi yang manakah yang sesuai bagi sesuatu matapelajaran. Ada juga pelajar yang menggunakan beberapa kombinasi strategi. Menurut Kaylani (1996), seorang pelajar yang berjaya menguasai bahasa asing belum tentu menggunakan semua strategi pembelajaran yang ada, tetapi menggunakan beberapa kombinasi strategi.

Oleh itu penggunaan strategi harus dilakukan secara sedar dan terencana untuk mencapai suatu target tertentu (Oxford, 1990). Dengan itu pelajar dapat merangka aktiviti pembelajaran mereka. Tidak seperti faktor-faktor pembelajaran yang lain, strategi pembelajaran adalah sesuatu yang boleh dipelajari.

Dengan mengetahui kepentingan strategi pembelajaran dan dilengkapi dengan teknik-teknik pembelajaran tertentu, otonomi pelajar akan berkembang. Adalah diharapkan dapatan ini akan memberi celikakal (*insights*) tentang bagaimana pembelajaran yang lebih bebas dan perasaan bertanggung jawab (*autonomous*) dapat dipupuk dan

kesusahan menguasai bahasa asing akan terhindar. Pelajar dan juga guru akan dapat membina satu pendekatan yang tersendiri. Bagi tenaga pengajar dan penggubal kurikulum, dapatan kajian tentang mengenalpasti strategi pembelajaran akan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai pendekatan pelajar dalam pembelajaran.

Penggunaan strategi yang tepat dan efektif secara tidak langsung akan mempertingkatkan lagi motivasi untuk belajar dalam diri pelajar. Pelajar yang kurang motivasi kurang mencuba berbagai-bagai strategi kerana mereka agak putus asa dengan pencapaian mereka. Oleh itu kajian ini penting kerana sebagai seorang tenaga pengajar, inisiatif menggunakan teknik pengajaran yang memudahkan pembelajaran pelajar, harus sentiasa dipertingkatkan dan pada waktu yang sama menggembeling motivasi dan seterusnya mencipta kejayaan.

## **1.8 Definisi Operational**

Kebanyakan istilah yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai kaitan dengan tajuk kajian dan penerangan istilah-istilah tersebut adalah merangkumi aspek-aspek pemerolehan bahasa asing.

### **Strategi Pembelajaran**

Operasi atau langkah yang digunakan oleh pelajar untuk membantunya dalam penguasaan, penyimpanan atau pengambilan (*retrieval*) infomasi. (O'Melley, 1985).

Strategi-strategi ini adalah teknik atau tindakan yang spesifik yang membuat pembelajaran menjadi mudah, cepat dan lebih menyeronokkan, ianya lebih memberi kesan kepada individu itu dan boleh dipraktikan disituasi yang baru.

(Oxford, 1990)

## **Pencapaian**

Pengukuran sasaran pembelajaran bahasa. Tingginya sesuatu skor menunjukkan kejayaan dalam pencapaian. Pencapaian ialah kesan akhir daripada pengaplikasian sesuatu *usaha (result of application efforts)*. Bila sesuatu tugas/kerja dilakukan, kesannya menunjukkan pencapaian individu berkenaan, samada memenuhi jangkaan, piawaian dan sebagainya. Pencapaian ini ditunjukkan dalam bentuk penilaian seperti markah atau gred.

## **Motivasi**

Keadaan fikiran yang membuatkan seseorang membuat tindakan tertentu. Proses yang membawa seseorang individu itu mencuba untuk memuaskan kehendaknya baik dari desakan dalaman (motivasi intrinsik) maupun dari luar individu (motivasi ekstrinsik). Tinggi min skor motivasi menunjukkan keinginan yang kuat dan positif untuk belajar.

## **Bahasa ketiga**

Bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar ketiga, di mana bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kedua dan Bahasa Melayu sebagai pengantar bahasa pertama. Bahasa ketiga di UiTM merupakan subjek wajib bagi peringkat ijazah sarjana muda.

## **Pelajar**

Pelajar-pelajar UiTM peringkat ijazah yang telah lulus tahap pertama kod BJP 401 dan tahap kedua BJP 451 dan sedang menunggu keputusan tahap akhir kod BJP 501 kursus Bahasa Jepun sebagai Bahasa ketiga di UiTM.

## **Globilisasi**

Bertutur dalam bahasa asing menolong individu itu berkomunikasi dengan lebih baik di dalam komuniti yang lebih luas, diperingkat antarabangsa, membantu memberi persefahaman yang lebih baik tentang kebudayaan antarabangsa, mewujudkan satu hubungan peribadi, perdagangan dan politik yang berpanjangan.(Baker, 2001)

## **Motivasi Intergratif**

Keinginan untuk bercakap dalam bahasa asing yang dipelajari atas dorongan berminat kepada budaya bahasa tersebut, mahu mengenali dan berintegrasi dengan masyarakat penutur bahasa tersebut (Falk, 1978). Pembelajaran tidak bertujuan untuk mendapatkan ganjaran atau memperolehi status.

## **Motivasi Instrumental**

Keinginan untuk mendapatkan sesuatu yang praktikal atau konkrit hasil dari pembelajaran bahasa asing. Contohnya keinginan untuk mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat atau mendapat ganjaran kewangan yang lebih dan sebagainya. Motivasi instrumental juga dikaitkan kepada seseorang yang belajar bahasa asing kerana terpaksa memenuhi syarat-syarat tertentu.

## **1.9 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan kepentingan penguasaan bahasa asing di era global dan moden ini. Untuk itu UiTM sebagai sebuah universiti yang peka terhadap keperluan pelajar untuk berdaya saing di dalam industri global telah mengambil langkah menawarkan pelajaran bahasa asing sebagai bahasa ke tiga dan menjadikan ia sebagai

satu subjek elektif wajib kepada pelajar-pelajar ijazah. Bahasa Jepun adalah merupakan salah satu dari bahasa asing yang ditawarkan.

Penguasaan bahasa asing bukanlah satu perkara yang mudah. Pelajar sudah tentu menggunakan strategi-strategi tertentu dan juga mempunyai motivasi untuk belajar. Untuk itu penulis memilih klasifikasi strategi pembelajaran bahasa yang telah dibuat oleh Oxford (1990) dan model motivasi pendidikan yang telah dibuat oleh Gardner dan Lambert (1985) sebagai kerangka kajian bagi mencapai objektif kajian iaitu:

1. Mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan.
2. Menyelidik hubungkait antara strategi pembelajaran digunakan dengan pencapaian pelajar.
3. Menyelidik hubungkait strategi pembelajaran dengan motivasi.

Seterusnya dibincangkan juga bidang dan batasan kajian di mana kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar bahasa Jepun (BJP 401) dan (BJP451) dengan menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik telah dijawab oleh 265 orang pelajar. Data-data mentah hasil dari soal selidik dianalisis dengan menggunakan SPSS 14.0 dan model korelasi Pearson digunakan bagi menganalisa korelasi (hubungkait). Kepentingan kajian ini bukan sahaja kepada pelajar, malah ianya juga penting bagi tenaga pengajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang efektif. Akhir sekali bab ini menghuraikan beberapa definisi operasional bagi memudahkan kefahaman kajian ini.